



Bersama  
Prof Dr Taufiq  
Yap Yun Hin

### Sambungan minggu lalu

Pelayaran Cheng Ho melalui Nusantara bukan saja membawa misi persahabatan dari Maharaja Dinasti Ming, malah turut membawa Islam sebagai agama anutannya bersama anak kapal.

Walaupun bukan semua anak kapalnya beragama Islam, namun hidup dalam suasana harmoni. Pelayaran itu membawa Cheng Ho mengunjungi beberapa kawasan di Nusantara termasuk Pulau

Jawa, Tanah Melayu dan Pulau Sumatera.

Misinya bukan hanya menunjukkan kekuatan ketenteraan Maharaja Dinasti Ming, lebih daripada itu berperanan menyebarkan Islam di rantau berkenaan.

China menerima Islam sejak abad ke-7 dan berkembang di seluruh negara itu termasuk di Wilayah Yunnan tempat kelahiran Cheng Ho.

Ramai ilmuan bersetuju, ekspedisi Cheng Ho membantu menghubungkan timur dan barat melalui pengangkutan laut untuk memperluaskan hubungan antara Asia Tenggara dengan dunia Islam.

Kegiatan Cheng Ho berkaitan Islam di

kepulauan Asia Tenggara dapat diklasifikasikan kepada dua kategori iaitu beliau solat di masjid di rantau itu dan membina masjid di Jawa.

Mangaradja Onggang Parlindungan menulis, pada 1413, ketika pasukan tentera Kerajaan Dinasti Ming singgah di Semarang selama sebulan untuk proses pemberian, tiga komandan Cina Muslim iaitu Cheng Ho, Ma Huan dan Fei Xin kerap bersolat di masjid Cina tempatan.

Hasil usaha Cheng Ho dari 1411 hingga 1416 itu juga menyebabkan Cina Muslim wujud di Semenanjung Tanah Melayu, Jawa dan Filipina.

Sementara, masjid pula dibina di Antjol (Ancol di Jakarta), Sembung, Lasem,

Tuban, Gresik, Joratan di Cirebon dan Cangki di Mojokerto.

Cendekiawan Jepun, Terada Takanobu menulis, ekspedisi Cheng Ho memberi sumbangan dan impak besar kepada penyebaran Islam di Nusantara.

Selain itu, penulis buku bertajuk Cheng Ho: Penyebar Islam dari China Ke Nusantara, Tan Ta Sen menyatakan, penyebaran Islam berlaku menerusi 'Gelombang China' ke Asia Tenggara, termasuk kepulauan Nusantara selepas berlaku dua gelombang pengaruh Islam yang datang melalui perdagangan dari Gujarat (India) dan Timur Tengah.

Beliau juga mencatatkan, kesan ditinggalkan Cheng Ho di kawasan Nusantara,

khususnya berkaitan proses akulturasi (penyerapan unsur budaya) masyarakat China di Pulau Jawa pada abad ke-15 dan 16 memperlihatkan dua tahap berbeza.

Gelombang pertama, Islam diperkenalkan ke Pulau Jawa oleh Cheng Ho dan masyarakat Cina Muslim bermazhab Hanafi pada awal dan pertengahan abad ke-15.

Kemudian, penembusan Sino-Islam di Pulau Jawa diperkenalkan generasi kedua Cina Muslim selepas Cheng Ho iaitu sejak pertengahan abad ke-15 hingga abad ke-16.

Komuniti Cina Muslim di Pulau Jawa mengalami perubahan struktur secara drastik dari segi kependudukan dan budaya

hasil hubungan perkahwinan di antara masyarakat Cina yang lahir di tanah besar dengan wanita tempatan berketurunan Jawa.

Dalam buku itu juga memaparkan bagaimana budaya bersifat damai bukan saja mendorong penyebaran Islam membabitkan umat Islam dari tanah besar China, Yunnan, Champa, Jawa, Melayu, Arab, dan India.

Tetapi, ia membolehkan ramai orang China di Tanah Melayu masih dapat memelihara ciri-ciri budaya asal usul mereka. Itu bersesuaian dengan dasar Islam, 'Tiada paksaan dalam Islam'.

**Penulis ialah Presiden Persatuan Cina Muslim Malaysia (MACMA) dan Profesor Jabatan Kimia di Fakulti Sains Universiti Putra Malaysia**